

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

21. Berapa kepadatan unit kediaman untuk satu ekar yang ditetapkan?
- (a) Adakah rancangan untuk menambah kepadatannya dan apakah kriterianya?
 - (b) Nyatakan projek yang dalam proses penambahan kepadatan di KADUN Berapit.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. (a) Kepadatan unit kediaman untuk satu ekar ialah densiti sederhana iaitu 11 unit / ekar dan maksimum dengan bayaran pemajuan adalah 12 hingga 30 unit/ekar. Bagi kawasan kampung pula, densiti rendah iaitu 6 unit /ekar dan maksimum dengan bayaran pemajuan adalah 7 hingga 10 unit / ekar.
- (b) Buat masa kini Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak ada perancangan untuk menambah kepadatan unit kediaman dan hanya merujuk kepadatan yang telah ditetapkan dalam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai Tengah (SPT). Walau bagaimanapun, sekiranya pemaju mengemukakan permohonan untuk menambah kepadatan, pemaju hendaklah mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia) untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC).

- (c) Sehingga kini, tiada projek untuk proses penambahan kepadatan di KADUN Berapit.